



GARIS PANDUAN PENGELUARAN FATWA DI MALAYSIA

Diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111
pada 9-10 November 2017 di Putra Sunway, Kuala Lumpur.

GARIS PANDUAN PENGELUARAN FATWA DI MALAYSIA

Kata Alu-aluan
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penutup sekalian Nabi dan Rasul.

Alhamdulillah, saya bersyukur dengan taufiq dan limpah kurnia-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melalui Bahagian Pengurusan Fatwa berjaya menerbitkan **Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia**.

Penggubalan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa ini adalah untuk **menyeragamkan proses pengeluaran hukum atau fatwa** yang memerlukan perincian dari segi mekanisma dan tatacara pengeluaran hukum atau fatwa **mengikut peruntukan yang terdapat dalam akta/ enakmen/ ordinan pentadbiran undang-undang** di negeri masing-masing.

Sehubungan itu, diharapkan ia dapat menjadi panduan secara menyeluruh dalam menyelesaikan masalah hukum atau fatwa dalam masyarakat Islam di negara ini. Penyediaan kertas hukum yang berkualiti **berdasarkan sumber yang muhtabar** akan dapat menghasilkan hukum atau fatwa yang berkredibiliti.

Garis Panduan ini bukan sahaja **menjadi rujukan dan pedoman** kepada Jawatankuasa Fatwa bagi menentukan hukum atau fatwa di peringkat persekutuan dan negeri tetapi juga untuk kegunaan para penyelidik dalam **melaksanakan kajian hukum dengan lebih sistematik**. Pengamalan dalam proses pengeluaran hukum atau fatwa berdasarkan garis panduan ini diharapkan dapat mewujudkan pandangan hukum atau fatwa yang selaras serta **mengurangkan kekeliruan dan kecelaruan hukum atau fatwa** di dalam masyarakat negara ini.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada pasukan penyelidik daripada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam mewujudkan garis panduan ini. Tidak lupa juga kepada ahli Jawatankuasa Fatwa MKI dan pihak Darul Ifta' serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan garis panduan ini. Semoga ia dapat dimanfaatkan serta dijadikan panduan berguna untuk umat Islam di negara ini.

Semoga usaha ini mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Kandungan	Halaman
Kata Alu-aluan	2
Tujuan	4
Latar Belakang.....	4
Tafsiran.....	5
Fungsi Jawatankuasa Fatwa.....	6
Permohonan Mendapatkan Fatwa	6
Klasifikasi Isu	6
Sumber Rujukan Fatwa.....	7
Kaedah Pengeluaran Fatwa	7
Pertama: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Syafi'i.....	8
Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Syafi'i	8
Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Dalam Mazhab Syafi'i.....	8
Penggunaan Qaw/ Tidak Muktamad Dalam Mazhab Syafi'i	11
Kedua: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Hanafi.....	12
Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Hanafi.....	12
Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Mazhab Hanafi	12
Ketiga: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Maliki	16
Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Maliki	16
Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Dalam Mazhab Maliki	17
Keempat: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali	19
Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali.....	19
Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Dalam Mazhab Hanbali	19
Pengeluaran Fatwa Mengikut Ijtihad.....	21
Meraikan Kepentingan Awam (المصلحة العامة)	22
Fatwa Yang Ada Hubungan Dengan Kepentingan Nasional	22
Penyediaan Sighah.....	23
Pewartaan Fatwa	24
Penyampaian Dan Hebahan	24
Penutup.....	25

GARIS PANDUAN PENGELUARAN FATWA DI MALAYSIA

Tujuan

Garis Panduan ini disediakan sebagai asas rujukan kepada:

- (i) Jawatankuasa Fatwa dalam mengeluarkan sesuatu pandangan hukum atau fatwa;
- (ii) Penyelidik dan pihak yang menyediakan kertas kajian hukum bagi tujuan mendapatkan pandangan hukum atau fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa.

Latar Belakang

2. Di Malaysia, negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dianggap sebagai pandangan rasmi kerajaan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama Islam. Ini disebabkan Jawatankuasa Fatwa telah ditubuhkan secara rasmi di bawah peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.

3. Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, kebanyakan negeri secara lazimnya akan mengeluarkan hukum atau fatwa berasaskan qawl muktamad mazhab Syafi'i. Sekiranya qawl muktamad mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, mana-mana qawl muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, atau mana-mana mazhab lain yang kaedah istinbat hukumnya hampir kepada aliran-aliran ini boleh dirujuk. Jika dengan merujuk qawl-qawl muktamad tersebut Jawatankuasa Fatwa berpandangan terdapat percanggahan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan *ijtihad* mereka sendiri.

4. Bagi tujuan menyelaraskan proses pengeluaran hukum atau fatwa di negara ini, maka Garis Panduan Pengeluaran Fatwa ini diwujudkan sebagai panduan yang seragam kepada Jawatankuasa Fatwa dalam mengeluarkan hukum atau fatwa.

Garis panduan ini menjelaskan dengan lebih terperinci proses pengeluaran hukum atau fatwa yang telah diperuntukkan secara ringkas di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri, dan juga sebagai mekanisme penyelarasan dalam pengeluaran hukum atau fatwa di negara ini.

Tafsiran

5. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Hukum**” ertinya sesuatu keputusan yang didasarkan kepada dalil-dalil syarak.

“**Fatwa**” ertinya apa-apa ketetapan hukum tentang sesuatu isu berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa. Dari sudut undang-undang ia akan dianggap sebagai fatwa apabila disiarkan di dalam warta.

“**Jawatankuasa Fatwa**” ialah Jawatankuasa Fatwa/ Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak/ Jamaah Ulama’/ Majlis Fatwa Negeri/ Lembaga Fatwa yang ditubuhkan berdasarkan peruntukan dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.

“**Jawatankuasa Fatwa MKI**” ialah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

“**Raja Pemerintah**” ialah Yang Di-Pertuan Agong/ Sultan/ Raja/ Yang DiPertuan Besar.

“**Majlis**” ialah Majlis Agama Islam Negeri

“**Mufti**” ialah orang yang dilantik menjadi Mufti berdasarkan Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.

“**Setiausaha**” ialah Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri.

“**Undang-Undang**” ertinya Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.

Fungsi Jawatankuasa Fatwa

6. Fungsi Jawatankuasa Fatwa ialah:

- (i) Mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa atas sesuatu persoalan yang diajukan kepadanya atau yang menimbulkan pertikaian berkaitan dengan hukum syarak.
- (ii) Menimbangkan hukum yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa MKI mengenai isu yang ada hubungan dengan kepentingan nasional.

Permohonan Mendapatkan Fatwa

7. Permohonan untuk mendapatkan hukum atau fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa hendaklah dikemukakan kepada Mufti. Jawatankuasa Fatwa juga boleh menetap dan memberikan pandangan hukum atau fatwa atas:

- (i) Perintah Raja Pemerintah; atau
- (ii) Inisiatif sendiri.

Klasifikasi Isu

8. Isu-isu yang dipohon pandangan hukum atau fatwa hendaklah diklasifikasikan terlebih dahulu sama ada ia adalah:

- (i) Isu yang telah diputuskan secara ijmak atau khilaf; atau

- (ii) Isu yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa yang memerlukan pindaan atau semakan semula; atau
- (iii) Isu baharu (kontemporari).

Sumber Rujukan Fatwa

9. Sumber utama rujukan Jawatankuasa Fatwa dalam menetapkan dan memberikan pandangan hukum atau fatwa hendaklah mengikut sumber-sumber berikut:

- (i) al-Quran (القرآن)
- (ii) al-Sunnah(السنة)
- (iii) al-Ijma^c (الإجماع)
- (iv) al-Qiyas(القياس)

Kaedah Pengeluaran Fatwa

10. Sebelum Jawatankuasa Fatwa memberi pandangan hukum atau membuat fatwa, satu kajian atau penyelidikan mengenai isu berkenaan hendaklah dilakukan.

11. Setelah kajian selesai dilaksanakan, Jawatankuasa Fatwa akan bersidang untuk membincangkan isu berkenaan bagi tujuan memberi pandangan hukum atau membuat fatwa.

12. Format penyediaan kertas kajian bagi menetapkan hukum atau fatwa secara asasnya hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) Tujuan.
- (ii) Latar Belakang.
- (iii) Masalah (Isu Utama).
- (iv) Metodologi.
- (v) Hujah dan dalil.

- (vi) Pandangan hukum atau fatwa yang sedia ada.
- (vii) Analisis (Hujah menerima dan menolak).
- (viii) Hasil atau tarjih.
- (ix) Syor.
- (x) Rujukan dan Lampiran.

13. Dalam mengeluarkan apa-apa pandangan hukum atau fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaw/* muktamad mazhab Syafi'i.

14. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat dengan mengikut *qaw/* muktamad mazhab Syafi'i akan berlawanan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut mana-mana *qaw/* muktamad mazhab Hanafi, mazhab Maliki atau mazhab Hanbali.

Pertama: Pengeluaran Fatwa Menurut *Qaw/* Muktamad Mazhab Syafi'i

Definisi *Qaw/* Muktamad Mazhab Syafi'i

15. *Qaw/* muktamad mazhab Syafi'i ialah pandangan rajih yang dipegang dalam mazhab Syafi'i yang telah ditetapkan melalui kaedah-kaedah tertentu.

Kaedah Penetapan *Qaw/* Muktamad Dalam Mazhab Syafi'i

16. Kaedah penetapan adalah seperti berikut:

- (i)
Pendapat yang disepakati oleh Imam al-Rafi^ciyy (623H) dan Imam al-Nawawiyy (676H).
- (iii) Sekiranya berlaku perselisihan antara keduanya iaitu Imam al-Rafi^ciyy dan Imam al-Nawawiyy, maka pendapat yang muktamad adalah pendapat Imam al-Nawawiyy, selagi mana ulama mutaakhirin tidak mentarjihkan pendapat Imam al-Rafi^ciyy. Sekiranya ulama mutaakhirin

mentarjihkan pendapat Imam al-Rafi^{ci}yy, maka pendapat imam al-Rafi^{ci}yy adalah yang muktamad.¹

17. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat Imam al-Nawawiyy dalam kitab-kitab beliau, maka hendaklah merujuk mengikut turutan kitab beliau seperti yang berikut:

- | | | |
|--------|---|--|
| (i) | <i>al-Tahqiq</i> | (التحقيق) |
| (ii) | <i>al-Majmu^c Sharh al-Muhadhdhab</i> | (المجموع شرح المذهب) |
| (iii) | <i>al-Tanqih (Sharhuhu ^cAla Wasit al-Imam al-Ghazaliyy</i> | (التنقيح شرحه على وسيط الإمام الغزالي) |
| (iv) | <i>Rawdat al-Talibin</i> | (روضة الطالبين) |
| (v) | <i>Minhaj al-Talibin</i> | (منهاج الطالبين) |
| (vi) | <i>al-Fatawa</i> | (الفتاوى) |
| (vii) | <i>Sharh Sahih Muslim</i> | (شرح صحيح مسلم) |
| (viii) | <i>Tashih al-Tanbih</i> | (تصحيح التنبيه) |
| (ix) | <i>Nukat al-Tanbih</i> | (نكت التنبيه) |

18. Sekiranya tidak terdapat pendapat *al-Shaykhan* (al-Rafi^{ci}yy dan al-Nawawiyy) dalam kitab kedua-duanya, maka pendapat yang muktamad adalah apa yang disepakati oleh Imam Ibn Hajar al-Haytamiyy (974H) dan Imam Shams al-Din al-Ramliyy (1004H).

19. Sekiranya kedua-dua Imam iaitu Ibn Hajar dan Imam al-Ramliyy berselisih pendapat, Jawatankuasa Fatwa boleh memilih antara pendapat kedua-dua Imam apa yang lebih menepati masalah, mengelakkan kesukaran (*mashaqqah*) dan membawa kemudahan berdasarkan metodologi mazhab Syafi'i.

20. Sekiranya tidak terdapat pendapat Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramliyy maka pendapat yang muktamad ialah apa yang disepakati oleh ulama mutaakhirin.

¹ Antara kitab-kitab fiqh karangan imam al-Rafi^{ci}yy ialah:

- | | | |
|-------|--|------------------------------------|
| (i) | Fath al- ^c Aziz al-Mashhur Bi al-Sharh al-Kabir | (فتح العزيز المشهور بالشرح الكبير) |
| (ii) | al-Sharh al-Saghir | (الشرح الصغير) |
| (iii) | al-Muharrar | (المحرر) |

Sekiranya terdapat perselisihan dalam kalangan mereka, maka pendapat yang muktamad ialah mengikut tertib berikut:

- (i) Pendapat yang dipilih oleh Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansariyy (926H) dalam kitabnya *al-Ghurar al-Bahiyyah fi Sharh Manzumah al-Bahjah al-Wardiyyah, Sharh al-Manhaj* (شرح المنهج) atau *Fath al-Wahhab* (فتح الوهاب).
- (ii) Pendapat yang dipilih oleh Imam Al-Khatib Al-Sharbiniyy (977H) dalam kitabnya *Mughniyy al-Muhtaj* (مغني المحتاج) dan lainnya.
- (iii) Pendapat yang dipilih oleh al-Zayyadiyy (1024H) dalam kitabnya *Hashiyah Sharh °Ala al-Manhaj* (حاشية شرح على المنهج) dan *Sharh °Ala al-Muharrar* (شرح على المحرر).
- (iv) Pendapat yang dipilih oleh Ibn Qasim al-°Ubbadiyy (994H) dalam kitabnya *Hashiyah °Ala Sharh al-Minhaj* (حاشية على شرح المنهاج).
- (v) Pendapat yang dipilih oleh al-Shihab °Umayrah (907H) dalam kitabnya *Hashiyah °Ala Sharh al-Minhaj Li al-Mahallyyi* (حاشية على شرح المنهاج للمحلي).
- (vi) Pendapat yang dipilih oleh °Aliyy al-Syabramallisiyy (1087H) dalam kitabnya *Hashiyah °Ala Nihayat al-Muhtaj Li al-Ramliyy* (حاشية على نهاية المحتاج للرملي).
- (vii) Pendapat yang dipilih oleh Nur al-Din al-Halabiyy (1044H) dalam kitabnya *Hashiyah °Ala Sharh al-Manhaj* (حاشية على شرح المنهج).
- (viii) Pendapat yang dipilih oleh al-Shaubariyy (1065H) dalam kitabnya *Hashiyah Syarh al-Manhaj* (حاشية شرح المنهج).

- (ix) Pendapat yang dipilih oleh al-Inaniyy (1075 H) dalam kitabnya *Hashiyah^c Ala Tahrir* (حاشية على التحرير).

Penggunaan Qawl Tidak Muktamad Dalam Mazhab Syafi'i

21. *Qawl* tidak muktamad ialah pandangan yang berlawanan dengan pandangan *qawl rajih* atau pun *daif*.

22. Jawatankuasa Fatwa boleh memutuskan hukum atau fatwa dengan *qawl* tidak muktamad (tidak rajih) di sisi ulama mazhab Syafi'i sekiranya ada keperluan dengan mengambil kira prinsip-prinsip berikut iaitu:

- (i) Perlu mengetahui dalilnya.
- (ii) Tidak menyalahi pendapat yang diijmakkan.
- (iii) Pendapat tersebut boleh mengelakkan kesukaran (*mashaqqah*) dan mendatangkan kebaikan (*maslahah*).
- (iv) Menisbahkan pendapat tersebut kepada sumber yang muktabar.

23. Istilah-istilah yang bersamaan dengan *qawl* tidak muktamad di sisi ulama mazhab Syafi'i ialah:

- (i) *Qawl Qadim*: iaitu pendapat Imam Syafi'i yang berlawanan dengan *qawl jadid* atau pendapat beliau sebelum berpindah ke Mesir.
- (ii) *Muqabil al-Asah* (paling sahih): iaitu pendapat kuat (*sahih*) yang berlawanan dengan pandangan yang paling sahih (*asah*).
- (iii) *Muqabil sahih*: iaitu pendapat yang tidak diamalkan kerana lemah sumbernya.
- (iv) *Muqabil masyhur*: iaitu pendapat yang terpencil (*khafiyy*) dan pelik (*gharib*).

Kedua: Pengeluaran Fatwa Menurut *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

Definisi *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

24. *Qawl Muktamad* mazhab Hanafi ialah *qawl zahir al-riwayah* iaitu pendapat yang rajih lagi kuat di sisi tiga imam mazhab Hanafi iaitu Imam Abu Hanifah (150H), Imam Abu Yusuf Ya^cqub bin Ibrahim (182H) dan Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybaniyy (189H).

Kaedah Penetapan *Qawl Muktamad* Mazhab Hanafi

25. Kaedah Penetapan *qawl muktamad* mazhab Hanafi adalah seperti berikut:

Pertama: Kitab-kitab *Zahir al-Riwayah* oleh Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybaniyy (189H) menurut turutan berikut:

- (i) *al-Sayr al-Kabir* (السير الكبير)
- (ii) *al-Sayr al-Saghir* (السير الصغير)
- (iii) *al-Ziyadat* (الزيادات)
- (iv) *Al-Jamī^c al-Kabir* (الجامع الكبير)
- (v) *al-Jamī^c al-Saghir* (الجامع الصغير)
- (vi) *al-Mabsut* (المبسوط)

Kitab “al-Kafi” (الكافي) karangan al-Marwaziyy, al-Hakim al-Shahid Abu al-Fadl Muhammad bin Muhammad bin Ahmad juga dianggap sebagai kitab usul atau *muktamad* mazhab Hanafi. Kitab “al-Kafi” (الكافي) ini telah menghimpunkan ke enam-enam kitab karangan imam Muhammad bin al-Hasan di atas.

Kedua: Kitab-kitab masalah *al-Nawadir*:

iaitu kitab-kitab karangan imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybaniyy (189h) yang diriwayatkan oleh segolongan kecil (*al-ahad*) yang tidak sampai tahap mutawatir atau masyhur. Ini adalah pendapat yang bukan *zahir al-riwayah* (*ghayr zahir al-riwayah*) kerana ia tidak kuat seperti yang pertama (*zahir al-riwayah*) tadi. Namun

terkadang pendapat-pendapat *al-Nawadir* lebih *sahih* daripada pendapat *zahir al-riwayah* kerana kekuatan tempat ambilannya dan kesahihan riwayatnya. Ini kerana kebanyakan pendapat dalam kitab *al-Nawadir* adalah riwayat yang sah seperti kitab *al-Raqqiyyat* ((الرَّقَائِبَات)², kitab *al-Kaysaniyyat* ((الكَيْسَانِيَّات)³, kitab *al-Jurjaniyyat* ((الْجُرْجَانِيَّات)⁴ dan kitab *al-Haruniyyat* ((الْهَارُونِيَّات)⁵.

Ketiga: Kitab-kitab *al-Fatawa*:

la juga dinamakan *al-Waqf'at* iaitu kitab-kitab yang yang mengandungi isu-isu yang diistinbatkan oleh anak-anak murid imam Muhammad bin al-Hasan dan ulama mutaakhirin mazhab Hanafi selepasnya; seperti kitab *al-Nawazil* (النوازل) karangan Abu al-Layth al-Samarqandiyy, kitab *Majmu' al-Nawazil* (مجموع النوازل) dan kitab *al-Waqf'at* (الواقعات) karangan imam al-Natifiyy, kitab *al-Waqf'at* (الواقعات) karangan imam al-Sadr al-Shahid °Umar bin °Abd al-°Aziz bin Mazah al-Bukhariyy, kitab *Fatawa* (المحيط البرهاني) (المحيط البرهاني) (الخلاصة), kitab *al-Khulasah* (فتاوى), dan kitab *al-Sarajiyyah* (السراجية) karangan imam Qadikhan.

26. Sekiranya permasalahan yang diriwayatkan dalam *zahir al-riwayah* tidak mempunyai khilaf dalam kalangan imam-imam mazhab Hanafi, maka hendaklah dirujuk. Pendapat ini akan dianggap sebagai pendapat mazhab Hanafi walaupun mereka tidak menyatakan secara jelas. Namun boleh merujuk kepada pendapat yang disebut oleh ulama mutaakhirin Hanafi kerana darurat dan ada keperluan beramal dengannya.

27. Sekiranya terdapat perbezaan dalam kalangan imam-imam mazhab Hanafi dalam sesuatu isu *zahir al-riwayah* dan pendapat salah seorang muridnya sama

² Kitab "*al-Raqqiyyat*" ialah karangan imam Muhammad bin al-Hasan ketika beliau menjadi qadi di Raqqah.

³ Kitab "*al-Kaysaniyyat*" ialah karangan imam Muhammad bin al-Hasan yang dinisbahkan kepada muridnya yang bernama Abu °Amru Sulayman bin Shu°ayb al-Kaysan.

⁴ Kitab "*al-Jurjaniyyat*" ialah karangan imam Muhammad bin al-Hasan ketika beliau berada di Jurjan.

⁵ Kitab "*al-Haruniyyat*" ialah karangan imam Muhammad bin al-Hasan ketika zaman Harun al-Rashid.

dengan pendapat Imam Abu Hanifah, maka pendapat itu diutamakan berbanding pendapat yang berlawanan dengannya.

28. Sekiranya terdapat perbezaan dalam kalangan imam-imam mazhab Hanafi dalam sesuatu isu *zahir al-riwayah* dan Imam Abu Hanifah mempunyai pandangan tersendiri, berbeza dengan dua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan, maka:

- (i) Sekiranya kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan mempunyai pandangan tersendiri setiap seorangnya, maka pendapat Imam Abu Hanifah diutamakan. Sekiranya kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan bersepakat atas satu pendapat yang berlawanan dengan pendapat Imam Abu Hanifah, maka perlu diteliti. Sekiranya perbezaan mereka semua berdasarkan perbezaan masa dan zaman, maka pendapat kedua orang anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan adalah diutamakan kerana keadaan masyarakat sudah berubah.
- (ii) Sekiranya perbezaan mereka semua bukan berdasarkan perbezaan masa dan zaman, maka Jawatankuasa Fatwa boleh memilih dan berfatwa dengan pendapat yang dirasakan lebih rajih dari segi dalilnya atau berfatwa dengan pendapat Imam Abu Hanifah secara mutlak.
- (iii) Isu yang berkaitan dengan ibadah dan ahwal syakhshiah, pendapat Imam Abu Hanifah adalah muktamad.
- (iv) Isu berkaitan kehakiman pula, pendapat Qadi Abu Yusuf adalah muktamad.
- (v) Isu berkaitan pewarisan *dhawi al-arham* pendapat Imam Muhammad bin Hasan adalah muktamad.
- (vi) Isu berkaitan wakaf adalah berdasarkan apa yang lebih bermanfaat dan lebih sesuai pada pandangan Jawatankuasa Fatwa.

29. Sekiranya tidak terdapat suatu pendapat imam-imam mazhab Hanafi sama ada dalam *zahir al-riwayah* atau lain-lain, maka perlu dilihat pendapat-pendapat ulama selepas mereka. Sekiranya mereka bersepakat atas satu pendapat, maka pendapat itulah yang diamalkan. Sekiranya mereka berselisih pendapat, maka pendapat yang dipegang ialah pandangan majoriti ulama.

30. Kitab-kitab khusus yang menjadi rujukan pendapat muktamad mazhab Hanafi selepas kitab-kitab *zahir al-riwayah* menurut turutannya ialah:

- (i) Kitab *Sharh Ma'ani al-Athar* (شرح معاني الآثار) karangan al-Tahawiyy, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin 'Abd al-Malik bin Salamah al-Azdiyy al-Hajariyy al-Misriyy (321H).
- (ii) Kitab al-Mukhtasar Fi al-Fiqh (المختصر في الفقه) karangan al-Karkhiyy, Abu al-Hasan 'Ubaydullah bin al-Husayn bin Dallal bin Dalham al-Baghdadiyy (340H).
- (iii) Kitab *Sharh Mukhtasar al-Tahawiyy* (شرح مختصر الطحاوي) karangan al-Jassas, Ahmad bin 'Aliyy Abu Bakr al-Raziyy (370H).
- (iv) Kitab *al-Tajrid* (التجريد) karangan al-Quduriyy, Abu al-Husayn Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ja'far bin Hamdan (428H).
- (v) Kitab *al-Mabsut* (المبسوط) karangan al-Sarakhsiyy, Muhammad bin Ahmad bin Sahl (483H).
- (vi) Kitab *Bada' al-Sana' al-Fi Tartib al-Shara'if* (بدائع الصنائع في ترتيب الشرائع) karangan al-Kasaniyy, 'Ala' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad (587H).
- (vii) Kitab *al-Hidayah Fi Sharh Bidayat al-Mubtadi* (الهداية في شرح بداية المبتدي) karangan al-Marghinaniyy, Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr bin 'Abd al-Jalil al-Farghaniyy (593H).

- (viii) Kitab *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (تبیین الحقائق شرح كنز)
(الكفايىء karangan al-Zayla'iy, °Uthman bin °Aliyy al-Bari'iy (743H).
- (ix) Kitab *Sharh al-Wiqayah* (شرح الوقاية) karangan al-Mahbubiy, Sadr al-Shari°ah °Ubaydullah bin Mas°ud (747H).
- (x) Kitab *al-°Inayah Sharh al-Hidayah* (العناية شرح الهداية) karangan al-Babartiyy, Muhammad bin Muhammad bin Mahmud, Akmal al-Din Abu °Abdillah (786H).
- (xi) Kitab *Fath al-Qadir* (فتح القدير) karangan Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin °Abd al-Wahid al-Siwasiyy (861H).
- (xii) Kitab *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (البحر الرائق شرح كنز الدقائق) karangan Ibnu Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim bin Muhammad (970H).
- (xiii) Kitab *al-Nahr al-Fa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (النهر الفائق شرح كنز الدقائق) karangan Ibnu Nujaym, Siraj al-Din °Umar bin Ibrahim bin Muhammad (1005H).
- (xiv) Kitab *Radd al-Muhtar °Ala al-Durr al-Mukhtar* (رد المختار على الدر المختار) karangan Ibnu °Abidin, Muhammad Amin bin °Umar bin °Abd al-°Aziz (1252H).

Ketiga: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Maliki

Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Maliki

31. Qaw/ muktamad mazhab Maliki ialah pandangan yang dipegang dalam mazhab Maliki (yang difatwakan dengannya) yang telah ditetapkan melalui kaedah-kaedah mazhab Maliki. Ia adalah pendapat Imam Malik dan *ashab* yang sama manhaj dengannya berdasarkan kaedah dan usul mazhab Maliki.

Kaedah Penetapan *Qawl Muktamad* Dalam Mazhab Maliki

32. Kaedah penetapan *qawl muktamad* dalam mazhab Maliki adalah seperti turutan berikut:

- (i) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*.
- (ii) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*.
- (iii) Pendapat Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*.
- (iv) Pendapat selain Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*.
- (v) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam kitab *al-Mudawwanah*.
- (vi) Pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh selain Ibn Qasim dalam selain kitab *al-Mudawwanah*.
- (vii) Pendapat Ibn Qasim dalam selain kitab *al-Mudawwanah*.
- (viii) Pendapat ulama-ulama mazhab Maliki yang lain.

33. Kitab *al-Mudawwanah* didahulukan berbanding kitab *al-Muwatta'* kerana kitab *al-Mudawwanah* datang kemudian daripada kitab *al-Muwatta'*. Kitab *al-Mudawwanah* mengandungi pendapat-pendapat Imam Malik yang diriwayatkan oleh Ibn Qasim iaitu anak muridnya yang paling dipercayai dan yang paling lama berguru dengannya.

34. Kaedah merujuk kitab-kitab bagi mengenal pasti pendapat muktamad mazhab Maliki ialah:

Pertama: Kitab-Kitab Induk (*Ummahat al-Kutub*)

- (i) Kitab *al-Muwatta'* (الموطأ) karangan Imam Malik bin Anas (179H).
- (ii) Kitab *al-Mudawwanah al-Kubra* (المدونة الكبرى) karangan Imam Sahnun (240H).
- (iii) Kitab *al-Wadihah* (الواضحة) karangan ^oAbd al-Malik bin Habib.

- (iv) Kitab *al-Mustakhraja* (al-^oUtbiyyah) (المستخرجة - العتبية) karangan Abu ^oAbdillah Muhammad bin Ahmad bin ^oAbd al-^oAziz bin Abi ^oUtbah. Imam Abu al-Walid bin Rushd telah mensyarahkannya melalui kitabnya *al-Bayan Wa al-Tahsil* (البيان والتحصيل).
- (v) Kitab *al-Mawaziyyah* (الموازية) karangan Muhammad bin al-Mawaz.
- (vi) Kitab *al-Majmu^oah* (المجموعة) karangan Ibn ^oAbdus.
- (vii) Kitab *al-Mabsut Fi al-Fiqh* (المبسوط في الفقه) karangan al-Qadiyy Abu Ishaq Isma^oil bin Ishaq.
- (viii) Kitab *Mukhtasarat Ibn ^oAbd al-Hakam* (مختصرات ابن عبد الحكم) karangan ^oAbdullah bin ^oAbd al-Hakam bin A^oyan.

Kedua: Kitab-Kitab Muktamad Mazhab Maliki

- (i) Kitab *Mukhtasar Khalil* karangan Khalil bin Ishaq (776H). (مختصر خليل)
- (ii) Kitab *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil* karangan al-Hattab (954H).
(مواهب الجليل في شرح مختصر خليل)
- (iii) Kitab *Sharh al-Zarqaniyy ^oAla Mukhtasar Sayyidi Khalil* karangan Al-Zarqaniyy (1099H)
(شرح الزرقاني على مختصر سيدي خليل)
- (iv) Kitab *Hashiyat al-^oAdawiyy ^oAla al-Khurashiyy ^oAla Mukhtasar Khalil* karangan ^oAliyy bin Ahmad al-^oAdawiyy (1189H).
(حاشية العدوي على الخرشبي على مختصر خليل)
- (v) Kitab *Hashiyat al-Dusuqiyy ^oAla al-Sharh al-Kabir* karangan Muhammad ^oUrfah al-Dusuqiyy (1230H).
(حاشية الدسوقي على الشرح الكبير)

Keempat: Pengeluaran Fatwa Menurut Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali

Definisi Qaw/ Muktamad Mazhab Hanbali

35. Qaw/ muktamad mazhab Hanbali ialah pandangan yang dipegang berdasarkan kaedah-kaedah tertentu mazhab Hanbali.

Kaedah Penetapan Qaw/ Muktamad Dalam Mazhab Hanbali

36. Pendapat yang disepakati oleh Imam Musa bin Ahmad al-Maqdisiyy al-Hijawiyy (968H) dalam kitabnya *al-Iqna^c* (الإقناع) dan Imam Taqiyy al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhiyy (972H) dalam kitabnya *Muntaha al-Iradat fi al-Jam^c Bayn al-Muqni^c wa al-Tanqih wa al-Ziyadat* (منتهى الإرادات في الجمع بين المقنع والتنقيح والزيادات).

37. Sekiranya terdapat perbezaan terhadap penjelasan hukum bagi sesuatu isu antara imam al-Hijawiyy dan Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy dalam kitab mereka, maka hendaklah dirujuk kepada pendapat berikut:

(i) Imam ^cAla' al-Din al-Mirdawiyy (884H) dalam kitabnya:

- *al-Tanqih al-Mushbi^c fi Tahrir Ahkam al-Muqni^c*
(أحكام المقنع) (التنقيح المشبع في تحرير)
- *al-Insaf Fi Ma^crifat al-Rajih min al-Khilaf ^cAla Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal.*
(الإنصاف في معرفة الراجح من الخلاف على مذهب الامام أحمد بن حنبل).
- *Tashih al-Furu^c* (تصحيح الفروع).

(ii) Pendapat Imam al-Mar^ciyy bin Yusuf al-Karamiyy (1033H) dalam kitabnya *Ghayat al-Muntaha Fi al-Jam^c Bayn al-Iqna^c wa al-Muntaha.*
(غاية المنتهى في الجمع بين الإقناع والمنتهى)

(iii) Mana-mana pendapat imam al-Mirdawiyy atau al-Karamiyy yang menyokong pendapat imam al-Hijawiyy dan Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy, maka pendapat itulah yang muktamad dalam mazhab.

- (iv) Kebanyakan pendapat muftamad dalam mazhab Hanbali adalah merujuk kepada pentarjihan yang dinyatakan oleh imam Ibnu al-Najjar al-Futuhiyy dalam kitabnya *al-Muntaha* (المنتهى).

38. Kitab-kitab yang menjadi rujukan bagi mengenal pasti pendapat muftamad mazhab Hanbali adalah seperti berikut:

- (i) Kitab *al-Tanqih al-Mushbi^o fi Tahrir Ahkam al-Muqni^o*
(التنقيح المشبع في تحرير أحكام المقنع) karangan imam ^oAla' al-Din al-Mirdawiyy (884H).
- (ii) Kitab *al-Insaf Fi Ma^orifat al-Rajih min al-Khilaf ^oAla Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*
(الانصاف في معرفة الراجح من الخلاف على مذهب الامام أحمد بن حنبل) karangan Imam ^oAla al-Din al-Mirdawiyy (884H).
- (iii) Kitab *Tashih al-Furu^o* (تصحيح الفروع) karangan imam ^oAla' al-Din al-Mirdawiyy (884H).
- (iv) Kitab *al-Iqna^o* (الإقناع) karangan imam Musa bin Ahmad al-Maqdisiyy al-Hijawiyy (968H).
- (v) Kitab *Muntaha al-Iradat fi al-Jam^o Bayn al-Muqni^o wa al-Tanqih wa al-Ziyadat* (منتهى الإيرادات في الجمع بين المقنع والتنقيح والزيادات) karangan Imam Taqiyy al-Din Ibn al-Najjar al-Futuhiyy (972H).
- (vi) Kitab *Ghayat al-Muntaha Fi al-Jam^o Bayn al-Iqna^o Wa al-Muntaha*
(غاية المنتهى في الجمع بين الإقناع والمنتهى) karangan Imam Mar^ofiyy bin Yusuf al-Karamiyy (1033 H).

Pengeluaran Fatwa Mengikut Ijtihad

39. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat tiada satu pun *qawf* muktamad daripada empat mazhab boleh diikuti, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah memberi pandangan hukum atau membuat fatwa mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qawf* muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat.

40. Sumber ijtihad hukum atau fatwa yang utama ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Seterusnya adalah sumber rujukan berikut:

- (i) al-Istihsan (الاستحسان)
- (ii) al-Masalih al-Mursalah (المصالح المرسلة)
- (iii) al-^oUrf (العرف)
- (iv) Sad al-Dhara'^o (سد الذرائع)
- (v) al-Istishab (الاستصحاب)
- (vi) Shar^ou Man Qablana (شرع من قبلنا)
- (vii) Qawl al-Sahabiyy (قول الصحابي)
- (viii) ^oAmal Ahl Al-Madinah (عمل أهل المدينة)

41. Pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan hendaklah dipanggil untuk memberi penjelasan dan pandangan terperinci dalam isu-isu tertentu. Ini bagi memastikan Jawatankuasa Fatwa mendapat maklumat yang tepat dan jelas sebelum pandangan hukum atau fatwa diputuskan.

Meraikan Kepentingan Awam (المصلحة العامة)

42. Kepentingan awam ialah kebaikan dan manfaat kepada masyarakat yang diperakui kesahihannya oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa demi mencapai maqasid syariah. Maqasid syariah ialah kebaikan (*maslahah*) yang ingin dicapai oleh syarak untuk manfaat manusia di dunia dan akhirat. Ia merangkumi pemeliharaan terhadap lima perkara kemestian utama (*al-daruriyyat al-khamsah*) iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

43. Kriteria kepentingan awam ialah:

Bertepatan dengan maqasid syariah.

- (i) Perkara hakiki atau sangkaan kuat (*ghalabat al-zann*), bukannya khayalan.
- (ii) Sesuai dengan uruf dan amalan setempat yang diiktiraf Syarak.
- (iii) Bersifat menyeluruh (*al-^cumum*) atau kebanyakan (*al-ghalabah*).

Fatwa Yang Ada Hubungan Dengan Kepentingan Nasional

44. Apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu pandangan hukum atau fatwa yang dicadangkan adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang ada hubungan dengan kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang hukum atau fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.

45. Seterusnya Majlis hendaklah membuat syor kepada Raja Pemerintah untuk mendapatkan perkenan agar hukum/fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa MKI melalui Majlis Raja-Raja. Apabila diperkenan oleh Raja Pemerintah, Majlis hendaklah sebelum hukum atau fatwa yang dicadangkan itu dirujuk, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang rujukan itu.

46. Kriteria isu-isu nasional ialah:
- (i) Isu yang melibatkan kepentingan Negara; atau
 - (ii) Isu yang berkaitan dengan umat Islam secara keseluruhan; atau
 - (iii) Isu agama yang berlaku di sesebuah negeri yang mungkin akan berlaku di negeri lain.
47. Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa MKI yang menyentuh perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan.
48. Nasihat dan syor yang diterima pakai hendaklah disifatkan sebagai hukum/fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri.

Penyediaan Sighah

49. Selepas Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan sesuatu hukum atau fatwa, maka hendaklah disediakan sighah hukum atau fatwa tersebut.
50. Sighah hukum atau fatwa itu hendaklah secara asasnya mengandungi:
- (i) Tajuk Hukum atau Fatwa;
 - (ii) Muqaddimah Keputusan (Bilangan Mesyuarat atau Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, tarikh dan tempat);
 - (iii) Latar belakang isu;
 - (iv) Hujah dan dalil; dan
 - (v) Hukum atau Fatwa.
51. Hukum atau fatwa yang telah diputuskan itu hendaklah dimaklumkan kepada Majlis.

Pewartaan Fatwa

52. Apabila sesuatu hukum atau fatwa yang telah diputuskan untuk diwartakan, maka sighth fatwa bagi tujuan pewartaan hendaklah disediakan. Sighth pewartaan hendaklah secara asasnya mengandungi:

- (i) Tajuk Fatwa;
- (ii) Muqaddimah (Nyatakan Enakmen & Seksyen);
- (iii) Bilangan Mesyuarat Muzakarah, tarikh dan tempat;
- (iv) Fatwa;
- (v) Ciri kesalahan atau kesesatan atau hukum (mana yang berkaitan); dan
- (vi) Elemen larangan atau undang-undang.

53. Sighth pewartaan itu hendaklah dikemukakan kepada Majlis bagi membuat syor kepada Raja Pemerintah untuk mendapatkan perkenan bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta.

54. Apabila fatwa itu diperkenankan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu bagi tujuan fatwa itu disiarkan dalam Warta.

Penyampaian Dan Hebahan

55. Hukum atau fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak yang mengemukakan persoalan, Mufti Negeri lain dan Jawatankuasa Fatwa MKI untuk makluman.

56. Hukum atau fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa hendaklah dihebahkan kepada umum sebagai panduan hukum.

57. Bagi fatwa yang telah diwartakan, siaran Warta itu disampaikan kepada Jabatan Agama Islam Negeri bagi tujuan penguatkuasaan.

Penutup

58. Garis Panduan Pengeluaran Fatwa ini adalah menjadi asas rujukan dalam proses mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa di Negara/negeri ini.

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Putrajaya.**

RUJUKAN

Kitab

1. السيد عَلَوِيّ بن أحمد بن عبد الرحمن السَّقَّاف الشافعي المَكِّي. 2012. الفوائد المَكِّيَّة فيما يحتاجُهُ طلبُهُ الشافعية. بيروت: مؤسسة الرسالة ناشرون.
2. عبد الله بن الشيخ المحفوظ بن بَيَّة. 2007. صناعة الفتوى وفقه الأقليات. جدة: دار المنهاج.
3. عبد الله بن محمد باقشير الحضرمي الشافعي. د.س. قَلَائِدُ الحَرَائِدِ وَقَرَائِدُ الفَوَائِدِ. د.م: مكتبة تريم الحديثة. علي جمعة محمد. 2012. المدخل إلى دراسة المذاهب الفقهية. القاهرة: دار السلام.
4. محمد تقي العثماني. 2014. أصول الإفتاء وآدابه. دمشق: دار القلم.
5. محمد حفظ الرحمن الكُمَلَائِي. 1429هـ. الروض النضير على النافع الكبير. بنغلاديش: مكتبة شيخ الإسلام.
6. Ad-Daghistani, Murtadza Ali bin Muhammad Al-Muhammadi. 2008. *Al-Madkal ila Usul Al-Imam As-Syafie*. Daghistan: Dar As-Salam.
7. Al-Asqar, Umar Sulaiman. 2007. Jordan: Dar An-Nafais.
8. Al-Maliki, As-Sayyid Muhammad bin 'Alawi. 1990. *Syarh Nizam Al-Waraqat*. Wizarah Al-'iklam.
9. Al-Qawasi, Akram Yusuf Muhammad. 2008. *Al-Madkhal Ila Mazhab As-Syafie*. Jordan: Dar An-Nafais.
10. Ar-Ramli, Muhammad bin Ahmad bin Hamzah. 2009. *Nihayah Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
11. Az-Zuhaili, Muhammad. 2008. *Al-Muktamad Fi Al-Fiqh As-Syafie*. Damsyik: Dar Al-Kalam.
12. Ba 'Alawi, Umar bin Al-Habib Hamid bin Umar bin Abdurrahman Ba Faraj. *Fathu 'Ali Bi Jam'l Al-Khilaf Baina Ibn Hajar Wa Ibn Ramli*. Dar Al-Minhaj.
13. Jaghim, Nu'man. 2007. *Madkhal ila al-Mazhab al-Syafie*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
14. Ibn Hajar, Shihabuddin Abi Al-Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali. 2011. *Tuhfah Al-Muhtaj Bi Syarh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

15. Muhammad, Ali Jumu'ah. 2004. *Al-Madkal Ila Dirasah Al-Mazahib Al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar As-Salam.
16. Syirbini, Muhammad ibn Muhammad Al-Khatib. 2006. *Mughni Al-Muhtaj Syarh Minhaj*. Kaherah: Dar Al-Hadith.

Kertas Kerja

17. Penggunaan Usul Fiqh Dan Ijtihad Mazhab Syafi'i oleh Prof. Selamat bin Hashim (AJK Fatwa Kebangsaan)
18. Maşlahah 'āmmah Berdasarkan Perspektif Syarak oleh Lokmanulhakim Hussain, International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)
19. Metod Ijtihad Dalam Mazhab Syafi'i" oleh Tuan Haji Ahmad Fuad bin Amran (Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan)
20. Mufti Muqallid: Fatwa Sekitar Pendapat Syaikh" oleh Ahmad Fauwaz bin Fadhil (Konsultan Syariah Telaga Biru Sdn. Bhd.);
21. Hukum Beramal Dengan Hadith Dhaif oleh Tuan Haji Adnan bin Abdul Wahab (Maahad Turath Islami, Selangor)
22. Qaul Muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali" oleh Prof. Madya Dr. Arief Salleh bin Rosman (UTM;Felo JAKIM).